Mesej Tujuh

## Wadah-wadah Rahmat yang Terhormat dan untuk Kemuliaan, Biji Gandum, dan Ranting-ranting Pohon Anggur

Bacaan Bible: Roma 9:21, 23; Kis. 9:15; 2 Kor. 4:7; Yoh. 12:24; 15:1, 4-5, 7

**I. Percayawan dalam Kristus ialah wadah-wadah rahmat yang terhormat dan untuk kemuliaan; kita ialah bekas-bekas bagi Kristus yang merupakan rahmat, kehormatan, dan kemuliaan—Roma 9:21, 23:**

A. Tujuan Tuhan mencipta manusia adalah untuk menjadikan manusia wadah-Nya, bekas tanah-Nya, untuk berisikan dan dipenuhi Kristus sebagai hayat demi pembinaan Tubuh Kristus yang berkonsumasi dalam Yerusalem Baru sebagai wadah korporat Tuhan yang besar untuk ekspresi-Nya—Kej. 2:7; Kis. 9:15; Roma 9:21, 23; 2 Kor. 4:7; 2 Tim. 2:20-21; Mat. 25:2-4, 8-9; Za. 4:11-14; bd. Wahi 3:18.

B. Kesemua empat belas Surat Paulus boleh dirumuskan dengan dua perkataan—*wadah terbuka:*

1. Setakat mana Tuhan dapat mendispenkan diri-Nya ke dalam kita bergantung pada tahap keterbukaan kita; Tuhan mahu kita hanya mengasihi-Nya dan memelihara diri kita terbuka kepada-Nya—2 Raj. 4:1-7; Mat. 5:3; Yoh. 1:16; Yes. 57:15; 66:1-2.
2. Kemerosotan berpunca daripada perasaan puas hati dalam diri sendiri; kemajuan bermula daripada kelaparan dan kehausan—Ul. 4:25; Luk. 1:53; Flp. 1:25; Wahi 3:16-18.

C. Kita dicipta sebagai wadah-wadah rahmat untuk berisikan Kristus yang merupakan rahmat Tuhan—Roma 9:11-13, 16, 20-21, 23; Rat. 3:21-23; Luk. 1:78-79:

1. Rahmat Tuhan ialah atribut Tuhan yang berupaya mencapai paling jauh, menyelamatkan kita daripada kedudukan yang kasihan ke dalam keadaan yang sesuai untuk dikasihi-Nya dan diberi kurnia-Nya—Ef. 2:1-4; Ibr. 4:16.
2. Atas sebab rahmat Tuhan, kita memberi respons kepada injil ketika orang lain tidak memberi respons, kita menerima sabda tentang Kristus sebagai hayat ketika orang lain enggan menerimanya, dan kita mengambil jalan pemulihan Tuan ketika orang lain berundur daripada mengambil jalan ini—*Kidung,* #234, rangkap 3.
3. *Rahmat* merujuk kepada perlakuan luaran Tuhan yang terdorong disebabkan keadaan kita yang kasihan; *belas kasihan* merujuk kepada kasih mesra dalaman-Nya yang berasal daripada esens kasih-Nya—Roma 9:15; Mat. 9:36.
4. Kita harus menghubungi Tuhan sebagai Dia yang berbelas kasihan setiap pagi supaya kita dapat hidup dalam realiti kingdom dengan berahmat terhadap orang dan tidak menghakimi orang—Rat. 3:21-23; Mat. 5:7; 7:1.

D. Kita dicipta untuk menjadi wadah-wadah yang terhormat untuk berisikan Kristus sebagai Tuhan yang terhormat; wadah-wadah yang terhormat ialah penginokulasi, iaitu orang yang menginokulasi orang lain terhadap kemunduran gereja—2 Tim. 2:20-22; Hak. 9:9; 1 Sam. 2:30:

1. Penginokulasi ialah seorang pengajar, minister Kristus Yesus yang baik, seorang yang dikhasiati sabda hayat dan yang melatih rohnya untuk berhidupkan Kristus dalam kehidupan hariannya demi kehidupan gereja—2 Tim. 2:2; 1:13-14; 1 Tim. 4:6-7; 6:20.
2. Penginokulasi ialah seorang perajurit yang berperang menentang ajaran berlainan daripada orang yang berbeza pendapat untuk melaksanakan ekonomi Tuhan menurut ministri dutus dan bertempur dalam peperangan menentang

maut, iaitu musuh terakhir Tuhan, dengan dipenuhi hayat untuk meraja dalam hayat—2 Tim. 2:3-4; 1 Tim. 1:18; Roma 8:6, 11; 5:17.

3. Penginokulasi ialah seorang atlet yang menjalani kehidupan gereja yang normal dengan melarikan diri ke dalam Kristus yang merupakan tempat perlindungannya dan mengejar Kristus yang merupakan keadilbenaran, iktikad, kasih, dan kedamaian bersama dengan orang yang menyeru Tuan daripada hati yang murni—2 Tim. 2:5; Ibr. 6:18-20; 2 Tim. 2:22.
4. Penginokulasi ialah seorang petani yang bekerja bersama dengan Tuhan melalui hayat yang serba sesuai untuk menyemai benih hayat ke dalam orang dan mengairi mereka dengan Roh hayat melalui kata-kata sihat-Nya—ay. 6; 1 Kor. 3:6, 9; 2 Kor. 6:1a; Luk. 8:11; Yoh. 7:38; 6:63; 2 Kor. 3:6.
5. Penginokulasi ialah seorang pekerja yang memotong lurus sabda kebenaran, membentangkan setiap bahagian sabda Tuhan dengan betul dan lurus tanpa penyimpangan (seperti dalam pertukangan kayu); sabda kebenaran perlu dibentangkan dengan betul untuk mencahayai orang yang berada dalam kegelapan, memberi inokulasi terhadap racun, menelan maut, dan membawa percayawan yang tersimpang itu kembali ke jalan yang betul—2 Tim. 2:15; bd. Kis. 26:18; Mzm. 119:130, 133.

E. Kita ialah wadah kemuliaan untuk berisikan Kristus sebagai Tuhan kemuliaan:
1. Kemuliaan ialah Tuhan sendiri diekspresikan dan dimanifestasikan—Yer. 2:11; Kis. 7:2; Ef. 1:17; 1 Kor. 2:8; 1 Ptr. 4:14; Kol. 2:9.
2. Kita mempunyai harta ini, yakni Kristus sebagai Tuhan kemuliaan, huni dalam kita, wadah tanah (2 Kor. 4:7); "harta ini" yang huni dalam kita ialah "muka Yesus Kristus" (ay. 6), hadirat Kristus, "persona Kristus" (2:10).
3. Apabila kita memalingkan hati kita kepada Tuan, kita menatap Tuan Roh yang merupakan hadirat Kristus dalam roh kita, dan kita "sedang ditransform…daripada kemuliaan kepada kemuliaan, sebagaimana daripada Tuan Roh"—3:16-18.
4. Menatap kemuliaan Tuan bererti kita sendiri melihat Tuan; memantulkan kemuliaan Tuan pula bererti membolehkan orang lain melihat-Nya menerusi kita—Yes. 60:1, 5.

**II. Percayawan dalam Kristus ialah biji gandum—Yoh. 12:24:**

A. Biji gandum yang banyak yang dihasilkan menerusi kematian dan kebangkitan Kristus adalah untuk membentuk satu roti—Tubuh Kristus; biji gandum itu dihancurkan, dibaurkan dengan minyak, dibakar di dalam tanur, dan dibaurkan bersama menjadi satu roti, dilambangkan oleh korban sajian—1 Kor. 10:17; Im. 2:4-5.

B. Tuan, sebagai biji gandum yang jatuh ke dalam tanah, kehilangan hayat-sukma-Nya menerusi kematian agar Dia dapat membebaskan api hayat abadi-Nya kepada "banyak biji" dalam kebangkitan; kita sebagai biji yang banyak ini harus kehilangan hayat-sukma kita menerusi kematian agar kita dapat menikmati dan membebaskan api hayat abadi kepada orang lain dalam kebangkitan—Yoh. 12:24-26; Luk. 12:49-50; 1 Kor. 15:31, 36; 2 Kor. 4:12.

C. Sebagaimana biji gandum jatuh ke dalam tanah dan mati, begitu juga manusia luaran kita dihancurkan, dibinasakan, supaya manusia dalaman kita dapat diperbarui hari demi hari—ay. 16, 10-11; Tit. 3:5; Ef. 4:23; 5:26.

D. Seorang Kristian yang rohani untuk pembinaan Tubuh Kristus harus "membaca" tiga perkara setiap hari—dia perlu membaca Bible, dia perlu membaca perasaan

dalamannya, dan dia perlu membaca sekitaran dan keadaannya, iaitu orang, benda, dan perkara di sekelilingnya—Roma 8:6; bd. Ams. 16:9.

E. Kita mungkin berdoa dan berharap agar orang lain akan berubah, namun semakin kita berdoa dengan cara ini, semakin jelasnya kita bahawa tidak ada apa-apa yang akan berubah; ini merupakan sekitaran yang dicipta Tuhan untuk membolehkan kita dikonform kepada imej Anak Tuhan dan memanifestasikan kurnia dan kudrat Tuhan—Roma 8:28-29; bd. 6:3-4; 1 Raj. 7:17, 20-22.

F. Kita harus bekerjasama dengan Roh yang beroperasi dan menerima sekitaran yang diaturkan Tuhan untuk kita—Flp. 4:12; Ef. 3:1; 4:1; 6:20; 1 Kor. 7:24.

G. Kita mungkin mengadu kepada Tuhan, tetapi aduan kita mungkin merupakan doa yang terbaik, doa yang paling menyenangkan Tuhan; semasa kita mengadu, Tuhan bergirang kerana Dia sedang menyebabkan segala sesuatu bekerja bersama demi kebaikan agar kita dapat dikonform kepada imej Anak sulung-Nya—bd. Mzm. 102, tajuk.

**III. Percayawan dalam Kristus ialah ranting-ranting pohon anggur—Yoh. 15:1, 4-5:**

A. Pohon anggur, iaitu Kristus, berserta ranting-rantingnya, iaitu percayawan dalam Kristus, ialah organisma Tuhan Tritunggal dalam ekonomi Tuhan untuk bertumbuh dengan kekayaan-Nya dan mengekspresikan hayat divin-Nya—ay. 1-5.

B. Kita tidak terbilang apa-apa, kita tidak mempunyai apa-apa, dan kita tidak dapat melakukan apa-apa di luar Kristus yang merupakan pohon anggur; oleh itu, kita perlu tinggal dalam-Nya, kekal berada, menetap, dan huni dalam-Nya, tidak hidup melalui apanya kita atau apa yang dapat kita lakukan tetapi melalui hayat yang tidak mati, iaitu Kristus sendiri—14:6a; 2 Kor. 5:4.

C. Tinggal dalam Kristus bererti tinggal dalam kasih-Nya supaya kita dapat mengasihi-Nya dan mengasihi satu sama lain untuk mengekspresikan hayat divin dalam penghasilan buah—Yoh. 15:9-10, 16-17:

1. "Satu perintah baru Aku berikan kepadamu, supaya kamu mengasihi satu sama lain, sebagaimana Aku mengasihimu agar kamu juga mengasihi satu sama lain. Dengan ini semua orang akan tahu bahawa kamulah disipal-disipal-Ku, jika kamu mengasihi satu sama lain"—13:34-35; bd. 1 Yoh. 4:18-19.
2. Jika kita mengasihi Tuan, kita akan dipenuhi-Nya, dan apa-apa sahaja yang memenuhi kita di dalam akan mengalir keluar daripada kita; mengasihi Tuan sampai kemuncak melayakkan, menyempurnakan, dan melengkapi kita untuk berbicara keluar Tuan—Yoh. 21:15-17.

D. Tinggal dalam Kristus bererti memelihara diri kita dalam persekutuan dengan-Nya setiap hari dan setiap waktu, tidak membenarkan apa-apa pun yang datang menghalang kita dan Dia; seluruh kehidupan gereja bergantung pada persekutuan divin, iaitu Tuhan Tritunggal yang beredar itu bekerja, mengalir, berhubung, mengangkut, mentransmisikan, dan mendispenkan segala apanya Dia ke dalam kita untuk kita nikmati—1 Yoh. 1:3; 2 Kor. 13:14.

E. Untuk Tuan tinggal dalam kita, kita harus membenarkan sabda-Nya tinggal dalam kita; jika kita tinggal dalam sabda-Nya yang tertulis dengan datang kepada-Nya untuk beroleh hayat, maka sabda ketika-Nya akan tinggal dalam kita sebagai roh dan hayat—Yoh. 15:7; 5:39-40; 8:31; 6:63.

F. Sebagai ranting-ranting Kristus, pohon anggur yang sejati, kita perlu berhidupkan Kristus, menumbuhkan Kristus, mengekspresikan Kristus, dan menyebarluaskan Kristus dari setiap aspek; inilah maksud "bergerak-hidup secara layak bagi Tuan

Mesej Tujuh (sambungan)

agar diperkenan-Nya dalam segala sesuatu, dengan berbuah dalam setiap kerja baik dan bertumbuh melalui pengetahuan penuh terhadap Tuhan"—Kol. 1:10.

G. Penghasilan buah merupakan kelimpahan kekayaan hayat dalaman; daripada hayat dalaman yang berlimpah-limpah ini, terdapat suatu aliran yang akan mencapai orang lain dan meresapi ke dalam hayat mereka, agar mereka dapat menjadi buah yang kekal demi pemuliaan Bapa—Yoh. 15:16.

*© 2026 Living Stream Ministry*